

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : NASIONAL

## 'Mansuh SOP sesuai fasa hidup bersama virus COVID-19'

**Kuala Lumpur:** Pakar virologi berpendapat semua prosedur operasi standard (SOP) berkaitan COVID-19, yang selama ini diwajibkan ke atas pesakit yang terkena jangkitan virus itu termasuk kewajipan menjalani kuarantin, sudah boleh dimansuhkan.

Pakar virologi Institut Perubatan dan Pergigian Ter maju Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Muhammad Amir Yunus, berkata langkah itu perlu dilaksanakan kerana negara sekarang berada dalam fasa hidup bersama virus.

Bagaimanapun beliau berkata, dalam pada sama negara perlu sentiasa bersedia terha-

dap kemungkinan kemunculan virus baharu pada masa depan selain COVID-19.

"Nampak caranya kita akan ke arah itu, jika sebelum ini dijangkiti COVID-19 perlu menjalani kuarantin sendiri, namun selepas ini ia tidak perlu lagi.

"Sebaliknya, mereka yang dijangkiti COVID-19 hanya berjumpa doktor seperti biasa dan berehat dengan rawatan diberikan adalah seperti kita selepas," katanya kepada *BH*.

Kelmarin, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, dilaporkan berkata rakyat Malaysia kini berada dalam fasa hidup bersama virus COVID-19.

Ketetapan itu diputuskan

pada Mesyuarat Pasca Kabinet peringkat Kementerian Kesihatan (KKM) yang diadakan baru-baru ini.

Pada masa sama, Dr Muhammad Amir berkata, walaupun beberapa SOP COVID-19

boleh ditinggalkan, namun langkah dalam mengawal penyebaran masih perlu dilakukan pesakit secara sendiri seperti memakai pelitup muka ketika dijangkiti.

Beliau berkata, dalam ke-

**Mereka yang dijangkiti COVID-19 hanya berjumpa doktor seperti biasa dan berehat dengan rawatan diberikan adalah seperti kita selepas**

**Dr Muhammad Amir Yunus,**  
Pakar virologi Institut Perubatan dan Pergigian Ter maju USM



adaan dunia berdepan pelbagai virus sama ada yang muncul semula atau baharu, tiada siapa boleh mengambil mudah dengan terlalu selesa berdasarkan keadaan sekarang.

"Kita kena sentiasa peka dengan sebarang laporan kes terbaru pada peringkat global seperti sekarang, ada kes selepas burung di Amerika Syarikat (AS) yang sudah menjangkiti manusia.

"Malah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga memaklumkan kematian seorang mangsa akibat kes jangkitan manusia pertama yang disahkan oleh makmal dengan subjek selepas A(H5N2)," katanya.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NEGARA

Pinggan, cawan plastik sekali guna antara penyumbang utama pencemaran

## Sebar mikroplastik melalui susu badan

Oleh NUR FATIN ZAHRA

**PETALING JAYA** – Kanak-kanak dan bayi berisiko menjadi golongan yang paling terkesan selepas mikroplastik dikesan mampu masuk ke dalam badan golongan itu melalui susu badan.

Pakar Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, kesan buruk mikroplastik dalam badan adalah boleh mempengaruhi kesuburan lelaki, mengurangkan keupayaan belajar serta mengingatkan dan meningkatkan risiko kanser.

Jelasnya, kanak-kanak dan bayi merupakan golongan yang paling terkesan dengan mikroplastik, sejenis bahan pencemar yang boleh ditemui di dalam makanan serta persekitaran hasil daripada degradasi sampah beraskan plastik.

"Kajian menunjukkan, dua golongan ini lebih berisiko disebabkan jisim badan mereka yang lebih rendah berbanding orang dewasa.

"Lebih membimbangkan, mikroplastik juga boleh ditemui dalam darah manusia dan boleh memasuki badan bayi melalui susu badan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Beliau berkata, disebabkan



MOHD. YUSAIMI

mikroplastik ini boleh memasuki badan manusia, ia boleh menyebabkan pembuluh darah menyempit dan secara tidak langsung, meningkatkan risiko serangan jantung dan strok.

Beliau mengulas laporan *Jurnal Environmental Science and Technology* yang mendedahkan rakyat Malaysia termakan mikroplastik hampir 15 gram setiap bulan yang memberikan implikasi kesihatan seperti risiko kanser, tahap kesuburan rendah selain menyempitkan pembuluh darah dan meningkat risiko serangan jantung dan strok.

Sementara itu, Presiden Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (Grass Malaysia), Mohd.



SHARIFA EZAT

Yusaimi Md. Yusof berkata, faktor terbesar pencemaran mikroplastik di Malaysia adalah berpunca penggunaan plastik sekali guna berkualiti rendah seperti cawan dan pembungkus makanan.

"Penggunaan cawan dan pinggan mangkuk plastik yang sudah tamat tempoh seperti yang digunakan di kedai-kedai makan juga berpotensi menjadi punca rakyat Malaysia termakan mikroplastik selama ini.

"Mikroplastik juga boleh masuk ke dalam badan sekiranya kita makan makanan laut yang berasal dari sumber air yang tercemar dengan plastik, selain terdedah dengan pembakaran sampah kilang-kilang haram," ka-



ANTARA rupa mikroplastik yang dijumpai dalam ikan laut komersial.

tanya.

"Ujarnya, mikroplastik boleh masuk ke dalam badan manusia melalui empat cara dan yang pertama ialah melalui pemakanan.

"Sebagai contoh, mikroplastik masuk ke dalam badan jika kita minum atau makan makanan laut yang berasal dari sumber air yang tercemar dengan plastik.

"Keduanya, mikroplastik juga boleh masuk ke dalam paru-paru sekiranya dibawa melalui udara.

Ini selalunya berpunca daripada pembakaran sampah dari kilang-kilang haram," ujarnya.

Selain itu, katanya, mikroplastik bersaiz nano pula boleh masuk ke dalam rongga kulit melalui penggunaan produk scrub badan atau yang mengandungi 'glitter'.

"Mikroplastik juga boleh diserap ke dalam badan secara kimia jika kita menggunakan plastik seperti polistirena yang sudah tamat tempoh," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NASIONAL

# Selaras undang-undang larang jual, guna vape

MyWatch gesa setiap negeri terlibat dalam rundingan demi kesihatan awam

Oleh FARHANA ABD KADIR  
SHAH ALAM



ROSLIZAWATI



DR DZULKEFLY

Sesi libat urus dan rundingan secara holistik oleh setiap negeri perlu dilakukan bagi menyelaraskan undang-undang berkaitan penjualan serta penggunaan rokok elektronik atau vape demi kesihatan awam.

Presiden Malaysian Women's Action for Tobacco Control and Health (MyWATCH), Roslizawati Md Ali berkata, perkara tersebut penting bagi melindungi modal insan negara daripada terjerumus dengan masalah ketagihan merokok.

Menurutnya, penggunaan peranti rokok elektronik (EDS) bukan sahaja membahayakan kesihatan tetapi juga mengganggu pertumbuhan otak, kerosakan urat saraf, keracunan darah dan menjejaskan perkembangan bayi sehingga mengakibatkan kandungan anak pramatang.

"Sesi libat urus perlu dipertingkatkan di seluruh negara kerana penggunaan vape telah terbukti merosakkan paru-paru selain memberi kesan sampingan kepada kesihatan golongan bukan perokok.

"Perkara ini penting bagi memastikan pertumbuhan, keselamatan dan kesejahteraan masyarakat umum terjamin selaras dengan garis panduan yang dibuat dalam Artikel 5.3 Konvensyen Rangka Kerja Kawalan Tembakau Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO FCTC)," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Pada Sabtu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersedia mempertimbangkan untuk mengharamkan penggunaan dan penjualan vape pada masa akan datang seperti mana dilakukan beberapa negara lain.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, bagaimanapun buat masa ini pihaknya mengambil langkah mengawal selia produk tersebut terlebih dahulu di bawah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 (Akta 852).

"Undang-undang dan peraturan-peraturan boleh disemak dan dipinda sekiranya perlu demi kesihatan awam.

"Akta dan peraturan berkuat kuasa bulan ini akan dilaksanakan terlebih dahulu yang menjadikan produk merokok termasuk vape sebagai produk dikawal selia dengan ketat," katanya kepada pemberita sempena program Tinjauan Mesra Premis Bersih, Bebas Asap (Bebas) di PD Waterfront, Port Dickson pada Sabtu.

Menurut Dr Dzulkefly lagi, sebarang pertimbangan lain termasuk menetapkan undang-undang dan peraturan boleh dipertimbangkan pada masa hadapan berdasarkan keberkesanan undang-undang dan peraturan sedia ada.

Mengulas lanjut, menurut Roslizawati, Muzakarah Majlis Fatwa pada tahun 2015 juga telah memutuskan amalan tersebut adalah haram dan Malaysia perlu segera bertindak.

Tambah beliau, keprihatinan KKM bukan sahaja membantu menghentikan amalan merokok tetapi juga ke arah negara yang lebih sihat.

"Sebagai negara yang berpegang dengan ajaran Islam kita perlu berpegang prinsip fatwa dan kedaulatan agama dalam memastikan kesejahteraan kesihatan orang awam lebih terjamin," tegasnya.

## Vape: Perlu kawalan lebih baik, bukan larangan - MRECA

SHAH ALAM - Pemain industri rokok elektronik tidak bersetuju dengan langkah larangan penggunaan dan penjualan vape oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kerana bakal menjejaskan 3,500 pengusaha.

Presiden Persatuan Peruncit Peranti dan Cecair Rokok Elektronik (MRECA), Datuk Adzwan Ab Manas berkata, produk vape memerlukan kawalan yang lebih baik bukan hanya larangan penggunaan atau penjualan semata-mata.

Menurutnya, vape merupakan produk alternatif kepada rokok tembakau dan ia diiktiraf pelbagai institusi kesihatan awam antarabangsa sebagai produk kurang mudarat berbanding rokok tembakau.

"Pihak industri tidak bersetuju dengan langkah larangan penggunaan dan penjualan vape kerana akan menjejaskan ramal pengusaha yang menyediakan pekerjaan kepada lebih 30,000 kakitangan.

"Langkah untuk mengawal selia produk vape di bawah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 (Akta 852) adalah langkah yang tepat. Tetapi kami juga mohon supaya KKM melibatkan pemain industri dalam penggubalan peraturan yang akan diperkenalkan.

"Tahun lalu, United Kingdom (UK) telah memulakan inisiatif untuk memberikan satu juta vape secara percuma kepada perokok di negara itu supaya mereka beralih kepada produk yang kurang mudarat," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Menurut Adzwan, pemain industri memohon agar langkah tersebut tidak dilakukan dan semua pihak dapat mencari titik tengah bagi menyelesaikan masalah itu terutama dalam menggubal undang-undang berkaitan produk vape serta tembakau.

Tambahnya, produk vape perlu dilihat sebagai kaedah yang boleh membantu masalah ketagihan merokok.

"Kami ambil maklum bahawa KKM ingin membendung penggunaan rokok elektronik dalam kalangan individu bawah umur tetapi penyamaan peraturan untuk produk vape dan rokok tembakau adalah langkah yang tidak sepatutnya dibuat.

"Ia memberikan mesej yang salah bahawa produk vape tiada bezanya dengan rokok tembakau walaupun terbukti kurang mudarat," tegasnya.



ADZWAN

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 12  
RUANGAN : VIEWS

## Which is best for cancer detection?

IN Malaysia, the incidence of breast cancer has been steadily rising, with statistics indicating that one in 20 women is likely to develop the disease in their lifetime. Early detection through screening is the most effective way to prevent late-stage diagnosis.

The most commonly used methods for breast cancer screening are mammograms, ultrasounds and MRI (magnetic resonance imaging). To optimise the screening process, it is crucial to understand breast tissue type as it affects imaging results.

According to the Breast Imaging Reporting & Data System, breasts are categorised into four density levels, which are determined via mammogram. These categories are almost entirely fatty, scattered areas of fibroglandular density, heterogeneously dense and extremely dense.

Almost entirely fatty breasts are made up primarily of fatty tissue, whereas scattered areas of fibroglandular density indicate that the breasts are mostly fatty tissue with some areas of dense breast tissue. Heterogeneously dense breasts are composed mainly of dense tissue with some areas of fatty tissue, and extremely dense breasts are predominantly dense tissue with minimal fatty tissue.

For extremely dense breasts, an ultrasound is recommended as dense tissue appears white on a mammogram, similar to cancerous tissue, making it difficult to detect abnormalities. In contrast, fatty breasts appear more transparent on a mammogram, making it easier to spot tumours.

According to the Breast Cancer Research Foundation, over 50% of women in their 40s have dense breasts. The American Cancer Society notes that mammograms miss about one in eight breast cancers, highlighting the importance of choosing the right imaging technique.

As women age, the density of breast tissue decreases, which might allow older women to use mammograms instead of ultrasounds.

However, mammograms expose the patient to low levels of radiation, which can accumulate over time. Breast structure also changes during pregnancy and lactation, requiring careful consideration of the imaging technique used.

Typically, a radiographer or nurse conducts the imaging before passing the results to a doctor for interpretation and diagnosis. It is advisable to seek a second opinion from a different clinic or hospital to ensure accuracy.

Unlike mammograms, which involve ionising radiation, ultrasound imaging is safe and can be performed frequently without restrictions.

Breast MRI combines magnets and radio waves to create detailed cross-sectional images, often with the aid of a contrast dye injected into a vein.

This technique is useful for detecting areas of concern that are unclear on mammograms or ultrasounds.

The choice of imaging modality for breast cancer screening is crucial and should be tailored to individual breast tissue types to ensure early and accurate detection.

With breast cancer rates rising, awareness of and education about the appropriate use of different imaging types are vital. By understanding differences, patients can make better informed decisions, enhancing the effectiveness of screenings and ultimately improving outcomes.

DR ASRAF MOHAMED  
MOUBARK  
Digital Signal Processing  
Research Group  
Faculty of Engineering and  
Built Environment  
University Kebangsaan  
Malaysia

AKHBAR : THE SUN  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : NATIONAL

## Use of e-cigarettes to be strictly regulated

**PORT DICKSON:** The use of electronic cigarettes will be strictly regulated under the Control of Smoking Products for Public Health Act 2024, to be enforced this month. Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the use of electronic cigarettes is still regulated

under the Food Act and Control of Tobacco Product Regulations.

"(Regarding the proposal to ban vaping) laws and regulations can be reviewed and amended if necessary, for public health reasons," he said after the Clean, Smoke-Free Premises walkabout programme at Port

Dickson Waterfront on Saturday.

However, the supervision regulations under the Control of Smoking Products for Public Health Act 2024 would be implemented first, making smoking products, including vape, heavily regulated products.

Dzulkefly said any other proposals

would be considered following existing procedures and should be discussed in a mature and democratic manner.

During the programme, six food premises at the waterfront received the ministry's Clean and Safe recognition. – Bernama